

Rais terkejut dilantik menteri

UM 11.12.99

Oleh YULPISMAN ASLI
dan AJINUL ASNIERA
AHSAN

KUALA LUMPUR 10 Dis. Datuk Dr. Rais Yatim yang kembali semula ke dalam Kabinet selepas 'menghilang' selama 12 tahun menyifatkannya sebagai "pemulihan politik yang tegap dan komprehensif bagi dirinya.

Beliau yang tidak menduga akan dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri berjanji akan bekerja keras untuk pembangunan dan kemajuan negara.

Sambil menyatakan pelantikannya itu sebagai satu kejutan, Rais berkata:

"Saya tidak menduga ada peluang untuk menyertai kabinet Dr. Mahathir selepas 12 tahun meninggalkan kabinet.

"Saya agak sama-samar dalam hal ini. Sudah tentu Dr. Mahathir mempunyai aspek tersendiri dalam membuat pilihan.

"Pada masa yang sama, saya insaf dan amat menghargai kepercayaan yang diberikan Dr. Mahathir sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri," katanya kepada *Utusan* ketika diminta mengulas mengenai pelantikannya itu.

Di samping Rais, turut dilantik ke jawatan itu ialah Datuk Dr. Abdul Hamid Othman, Tan Sri Bernard Giluk Dompok dan Datuk Pandikar Amin Mulia.

Sehubungan itu, Rais melafazkan taat setia tidak berbelah bagi untuk bersamasama barisan kabinet lain membawa Malaysia ke arah kemajuan yang lebih pesat lagi pada alaf akan datang.

"Saya akan curahkan bakti ke arah itu (membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berwibawa)," tegasnya.

Beliau turut menyifatkan barisan kabinet yang baru diumumkan oleh Dr. Mahathir itu sebagai satu perubahan drastik demi pembaharuan politik negara.

Rais, 59, yang menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan pada 1978 hingga 1982, pernah memegang jawatan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah (1982-85), Menteri Penerangan (1985-86) dan Menteri Luar (1986-87) sebelum meletak jawatan kerana meninggalkan UMNO untuk menyertai Parti Semangat 46.

Kerjayanya dalam kerajaan bermula selepas memenangi kerusi Parlimen Jelebu pada pilihan raya umum 1974 dan dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebelum menjadi Timbalan Menteri Undang-undang dan Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Rais, yang terkenal sebagai pemedato dan pakar undang-undang, kembali ke barisan kabinet setelah memenangi kerusi Parlimen Jelebu pada pilihan raya umum baru-baru ini.

Menyentuh tentang portfolio yang bakal diberikan kepadanya, Rais berkata:

"Kemungkinan dalam perundangan dan kehakiman dan aspek-aspek berkaitan."

Sementara itu Ahli Parlimen Seremban, Datuk Hon Choon Kim, juga melahirkan rasa terima kasih kepada Perdana Menteri kerana melantik beliau sebagai Timbalan Menteri Pendidikan.

Menurutnya, beliau tidak menyangka akan dilantik sebagai Timbalan Menteri apatah lagi diletakkan di Kementerian Pendidikan.

"Bagaimanapun, saya cukup berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada saya dan MCA yang mencadangkan nama saya," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berjanji akan memikul tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik mungkin dan memastikan Kementerian Pendidikan meneruskan matlamat dalam membangunkan sistem pendidikan negara.